



Malaysia's leading news and information website

Archive Since **1991** **NST** Appointments **Classifieds** Booking **Classifieds Listing** Search : **GO**



NEWS

[New Straits Times](#)

[Berita Harian](#)

[Malay Mail](#)

[Harian Metro](#)

SERVICES

[Archive Since 1991](#)

[Affiliate Program](#)

[Advertise in Print](#)

[Mobile](#)

[WebCard](#)

[E-Bar](#)

BUSINESS

[Business Times](#)

[Market Report](#)

[Malaysian Investor](#)

TECHNOLOGY

[Computimes](#)

[Business Computing](#)

CHANNELS

[Property Times](#)

[Travel Times](#)

[Goodbites](#)

[Sunday People](#)

[Bintang Popular](#)

[Joran](#)

[Ikon](#)

SPORTS

[MSL](#)

[EpG](#)

EDUCATION

[NIE](#)

[WebSekolah](#)

News Archive (1991 -) Article Full Document Display

[Bottom](#) [Prev Doc](#) [Next Doc](#) [Result List](#) [Search](#) [Help](#) [Home](#)

Document 9 of 9

Publication : HM

Edition :

Date : 24/01/2006

Page Number : 02

Headline : SERANGAN ARTRITIS TAK KENAL USIA

Words : 402

Byline : Oleh Hartini Mohd Nawi

Text :

AKSI Seni Demi Arthritis atau a3 yang dilancarkan sempena Dekad Sendi dan Tulang Global 2000 hingga 2010 memberi kesedaran kepada masyarakat negara ini.

Acara itu yang dianjurkan Yayasan Arthritis Malaysia (AFM) di One Utama, Damansara, Petaling Jaya, baru-baru ini, menyampaikan mesej kepada peserta mengenai tanggapan arthritis hanya dialami warga tua sebenarnya tidak tepat. Ini kerana serangan arthritis tidak mengenal peringkat usia.

AFM adalah sebuah organisasi yang dedikasi dalam meningkatkan tahap kesedaran mengenai arthritis serta bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuk ahli profesional perubatan dan pesakit bagi membantu keadaan orang yang menghidap arthritis serta gangguan lain.

"Tanggapan umum selama ini arthritis adalah satu gangguan tunggal yang hanya menjejaskan warga tua dan tidak banyak boleh dilakukan untuk mengatasinya. Sebenarnya arthritis boleh menyerang kanak-kanak seawal usia dua tahun," kata Presiden AFM, Dr Chow Sook Khuan.

Dr Chow berkata, pihaknya amat menggalakkan sebarang kajian, pendidikan dan aktiviti lain berhubung pencegahan, diagnosis, punca dan rawatan penyakit itu.

"Justeru, a3 adalah acara utama dalam kalendar AFM yang bertujuan menggabungkan pengetahuan mengenai arthritis serta keadaan berkaitan dengannya apabila ia turut diserikan pelbagai aktiviti menyeronokkan dan menghiburkan seisi keluarga," kata Dr Chow.

Antara pengisian menarik dalam a3 ialah pertandingan mewarna arca dan peraduan mewarna kanak-kanak yang membabitkan semua golongan dan berpeluang mewarna untuk Tabung Arthritis.

Istimewanya arca-arca berkenaan ditampilkan dalam pelbagai corak dan roda yang simboliknya menunjukkan betapa pentingnya senaman dan pergerakan bagi pesakit arthritis serta membantu mereka mengekalkan kelembutan sendi.

Pemenang hadiah pertama dalam pertandingan mewarna arca membawa pulang baucar percutian dua hari satu malam termasuk sarapan pagi di Hotel Eastin dan RM500, pemenang kedua dan ketiga berpeluang menerima RM400 dan RM300.

Pemenang peraduan mewarna kanak-kanak pula menerima hamper peralatan melukis yang masing-masing berharga RM100, RM80 dan RM50.

Arca yang diwarnakan bakal dihantar ke beberapa hospital yang menyediakan perkhidmatan reumatologi termasuk Hospital Putrajaya, Hospital Selayang, Hospital Taiping dan Hospital Seremban. Persembahan koir Kanak-kanak Operafest menyerikan majlis.

Semua sumbangan yang diterima menerusi aktiviti a3, bakal disalurkan kepada tabung Arthritis yang ditubuhkan khusus untuk memberikan bantuan subsidi kepada pesakit yang tidak mampu mendapatkan sendi gantian.

Lebih bermakna apabila acara a3 turut menyaksikan pelancaran Kelab Junior AFM bertujuan menemukan kanak-kanak yang menghidap Arthritis Idiopatik Juvana (JIA).

JIA ialah sejenis arthritis yang menyebabkan radang dan kekakuan sendi di kalangan kanak-kanak berusia 16 tahun ke bawah yang berlanjutan hingga

lebih enam minggu.
(END)

[Top](#) [Prev Doc](#) [Next Doc](#) [Result List](#) [Search](#) [Help](#) [Home](#)

Mail [webheads](#) for site related feedback and questions. Get [sales](#) for other kind of help.
Copyright © The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad, Balai Berita 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur, Malaysia.
Powered by: Zope, Red Hat, Apache, Python, Php3, Perl